

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK MOHAN A/L  
THANGARASU**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK MOHAN A/L THANGARASU** minta **MENTERI  
PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam  
mengurangkan kadar kemalangan yang melibatkan penghantaran  
makanan (p-hailing).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui agensi-agensi di bawahnya seperti JPJ dan MIROS bertanggungjawab dalam melaksanakan kempen keselamatan jalan raya bagi mendidik dan meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya.

Susulan daripada pelancaran Kempen Keselamatan Penunggang *P-Hailing* pada 9 April 2021 yang bertemakan “Penunggangan Cermat, Penghantaran Selamat”, pihak Kementerian Pengangkutan melalui JPJ dan MIROS telah melaksanakan program advokasi di kalangan penunggang *p-hailing* melalui kaedah turun padang secara tersasar. Kempen itu dilaksanakan dengan kerjasama pengendali *p-hailing* untuk mendampingi penunggang *p-hailing* bagi memberikan advokasi mengenai keselamatan jalan raya untuk meningkatkan kesedaran dalam menunggang dengan cara yang selamat dan mematuhi peraturan lalu lintas dalam usaha untuk mengurangkan risiko kemalangan.

Beberapa inisiatif semasa kempen keselamatan jalan raya tersebut telah dilaksanakan seperti berikut:

- i. Penerangan mengenai pemakaian aksesori keselamatan wajib seperti penggunaan topi keledar yang mematuhi piawaian serta pematuhan kepada peraturan lalulintas;
- ii. Program penukaran topi keledar yang tidak mematuhi piawaian SIRIM;
- iii. Penerangan ringkas mengenai pemeriksaan asas motosikal (*T-CLOCK*) dan penunggangan selamat (*safety riding*); dan
- iv. Pemberian risalah keselamatan jalan raya.

Inisiatif kempen keselamatan jalan raya khas yang mensasarkan penunggang *p-hailing* ini sentiasa menjadi keutamaan Kementerian dan dilaksanakan secara berterusan dan terancang bagi memastikan budaya

## SOALAN NO. 20

penunggang selamat menjadi amalan setiap penunggang *p-hailing*.

Pelaksanaan kempen keselamatan jalan raya dengan kolaborasi bersama penyedia perkhidmatan *p-hailing* akan diperhebatkan lagi bagi memastikan keselamatan penunggang dan pengguna jalan raya yang lain adalah sentiasa terjamin.